

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH**

(SANDAKAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2015

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat ini berapa pendapatan cukai GST yang telah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan sejak pelaksanaan cukai GST pada April tahun ini. Senaraikan pendapatan cukai itu mengikut negeri dan bulanan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengunjurkan hasil GST pada tahun 2015 sebanyak 27 bilion ringgit. Memandangkan GST dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 sebagai

hasil Kerajaan Persekutuan, maka kutipan hasil GST di sesebuah negeri tidak semestinya menggambarkan bahawa hasil tersebut adalah daripada aktiviti ekonomi di negeri tersebut semata-mata. Sebagai contoh, sebuah syarikat beroperasi di seluruh negara, tetapi beribu Pejabat di Kuala Lumpur. Maka GST yang dibayar oleh syarikat tersebut direkodkan sebagai hasil GST di Kuala Lumpur. Di samping itu, GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama seperti Negeri Selangor dan Negeri Johor. Sehubungan itu, adalah menjadi amalan untuk tidak memperincikan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan termasuk hasil GST berdasarkan negeri.